

# Pengembangan Bahasa dan Persuratan Melayu di China

**D**alam makalah penulis tentang perkembangan pengajian Melayu di China (*Dewan Bahasa* Julai 2017 dan Ogos 2017) telah saya kemukakan sejarah hubungan tamadun Melayu dan tamadun China seawal abad ketujuh Masihi pada zaman Sriwijaya hingga perkembangannya pada waktu ini, khususnya melalui pengajian ilmiah pada peringkat universiti di China. Aspek yang tidak kurang pentingnya ialah kegiatan pengembangan yang menyokong gerakan ilmiah itu. Dalam makalah ini, penulis paparkan beberapa kegiatan pengembangan berkenaan, khususnya yang mutakhir, dengan mengambil tahun 2016 dan 2017 sebagai tempoh kegiatan.

Pada tahun 2016, tirai kegiatan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu di China dibuka dengan Malam Puisi Kemerdekaan pada 26 September 2016. Acara diadakan di dewan utama Kedutaan Malaysia di Beijing sebagai salah satu usaha memupuk semangat cinta kepada negara. Walaupun sambutan itu untuk negara Malaysia, namun pelajar warganegara China yang mengikuti kursus ijazah bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Beijing turut mengambil bahagian dalam penyampaian puisi patriotik.

Persembahan deklamasi puisi kemerdekaan dimulakan dengan penyampaian puisi "Menuntun Si Merdeka" oleh Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan, Penyanggand Kursi Profesor Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU). Puisi itu mengiaskan negara Malaysia merdeka dengan watak bernama "Si Merdeka" yang perlu dituntun atau dibimbing untuk menghadapi cabaran dari luar dan dalam (yang diungkapkan sebagai "gunting dalam lipatan").

Persembahan tiga orang pelajar pengajian Mandarin BFSU tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu Nazirul, Salihah dan Siti Aisyah menggemakan dua buah sajak berjudul "Permainan Apakah Ini" dan "Pohon Merdeka". Sajak itu dideklamasikan berdasarkan dua buah buku puisi Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan, iaitu *Mencari Makna Diri* dan *Di Denai Kehidupan* terbitan DBP.

Persembahan kemudian bertambah menarik apabila dua orang pelajar warganegara China yang mengikuti

kursus ijazah bahasa Melayu di BFSU berpadu dengan penyarah mereka, Puan Roziah Adama menyampaikan puisi "Bangkit Pendekar" karya Roziah Adama dan "Luka Seorang Soldadu" karya Masnita Aladdin. Dua orang pelajar itu yang berpakaian pahlawan Melayu bersilat Melayu sebagai gerak iringan deklamasi mereka. Wakil pelajar Pengajian Mandarin tajaan Kementerian Pendidikan di Universiti Bahasa dan Budaya Beijing (BLCU), wakil pelajar Malaysia berketurunan Cina dan India dari Universiti Peking dan Universiti Xinhua turut memeriahkan deklamasi puisi kemerdekaan.

Gema puisi kemerdekaan disemarakkan lagi dengan deklamasi puisi "Laungan Negeri Kita yang Abadi" oleh juara deklamasi sajak Hari Kebangsaan 2013, Datin Haryani Haron yang berpadu dengan puterinya Nur Fatin Hannani, juara deklamasi puisi sekolah kluster Malaysia. Atase Pendidikan di Kedutaan Besar Malaysia, Dr. Mohd. Rozi Ismail turut menyampaikan puisi yang berbentuk wasiat kepada generasi muda di China bersempena dengan tamatnya tempoh khidmat beliau di negara tersebut.

Majlis sambutan kemerdekaan tersebut dihadiri oleh tamu kehormat, Duta Besar Malaysia ke China, TYT Datuk Zainuddin, pegawai-pegawai Kedutaan Malaysia dan keluarga, serta 200 orang pelajar Malaysia di beberapa buah universiti di Beijing.

Kegiatan pengembangan bahasa dan persuratan yang kedua ialah sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, sebagai sokongan dan peluasan Bulan Bahasa Kebangsaan yang dilaksanakan dalam bulan Oktober setiap tahun di tanah air. Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) di Malaysia telah digerakkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 1960-an pada zaman pengarahnya pada waktu itu, Tun Syed Nasir Ismail. Sejak

beberapa tahun lalu, bulan Oktober dirasmikan sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan di seluruh negara. Tahun 2016 menandai peristiwa yang agak luar biasa apabila BBK disambut juga di bumi Laluan Sutera, khususnya di Beijing.

Pada 19 November 2016, telah berlangsung majlis sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU). Majlis dianjurkan sebagai salah satu kegiatan Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di China yang saya sandang, dengan kerjasama Pusat Pengajian Melayu China BFSU dan Persatuan Pelajar Malaysia BFSU (AOMS).

Cukup menarik dan penting apabila sambutan BBK di Beijing berjaya melibatkan empat buah institusi, iaitu Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU), Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing, dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. Cukup membanggakan deklamasi puisi Usman Awang "Bahasa Bonda" dan beberapa puisi lain disampaikan oleh pelajar warganegara China yang mengikuti kursus ijazah bahasa Melayu. Kumpulan pelajar Universiti Komunikasi China yang terdiri daripada warganegara China pula menyampaikan lagi "Dayung Sampan" dengan suara yang merdu dan sebutan bahasa Melayu yang baik.

Deklamasi khas sajak "Menuntun Si Merdeka" karya penulis disampaikan oleh Datin Haryani Haron, Juara deklamasi sajak Hari Kebangsaan 2013 dan puterinya Nur Fatin Hannani, 12 tahun dari Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2 yang juga juara kebangsaan deklamasi sajak sekolah-sekolah kluster 2015 dan 2016. Nyanyian rangkaian lagu Melayu yang mewakili dekad 1950-an, 1960-an dan seterusnya turut memukau hadirin kerana keindahan melodi dan seni katanya. Selain itu, kumpulan pelajar wanita Malaysia BFSU turut mempersembahkan tarien Melayu asli.

Pada penutup ucapan, penulis sekali gus membuka acara persembahan Bulan Bahasa Kebangsaan di China dengan menyampaikan sajak penulis

"Sutera Kasih" yang memerikan pengiktirafan kepada bahasa Melayu oleh Kerajaan China sejak abad ketujuh dalam zaman Dinasti Tang dan kemudian dalam zaman Dinasti Ming pada abad ke-15 dan 16 Masihi. Pada zaman Dinasti Ming, hubungan dengan Kerajaan Melayu Melaka begitu erat dan bahasa Melayu diajarkan dalam Akademi Bahasa Asing di istana maharaja. Dalam Jabatan Bahasa Asing di istana maharaja China, bahasa Melayu diletakkan dalam Jabatan Bahasa-bahasa Islam yang setaraf dengan bahasa Arab dan bahasa Parsi.

Persembahan lain ialah deklamasi sajak oleh pelajar-pelajar Malaysia yang menuntun di Universiti Pengajian Asing Beijing dan Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing, dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. Cukup membanggakan deklamasi puisi Usman Awang "Bahasa Bonda" dan beberapa puisi lain disampaikan oleh pelajar warganegara China yang mengikuti kursus ijazah bahasa Melayu. Kumpulan pelajar Universiti Komunikasi China yang terdiri daripada warganegara China pula menyampaikan lagi "Dayung Sampan" dengan suara yang merdu dan sebutan bahasa Melayu yang baik.

Deklamasi khas sajak "Menuntun Si Merdeka" karya penulis disampaikan oleh Datin Haryani Haron, Juara deklamasi sajak Hari Kebangsaan 2013 dan puterinya Nur Fatin Hannani, 12 tahun dari Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2 yang juga juara kebangsaan deklamasi sajak sekolah-sekolah kluster 2015 dan 2016. Nyanyian rangkaian lagu Melayu yang mewakili dekad 1950-an, 1960-an dan seterusnya turut memukau hadirin kerana keindahan melodi dan seni katanya. Selain itu, kumpulan pelajar wanita Malaysia BFSU turut mempersembahkan tarien Melayu asli.

\* Language - General

\* pg = 16 - 19

Meskipun sederhana, sambutan BK di Beijing cukup meriah engan kehadiran kira-kira 100 rang pensyarah, penyiar radio dan elajar. Majlis itu merupakan salah itu gerakan untuk menyuntikkan mangat kecintaan kepada bahasa ebangsaan dalam kalangan nerasi muda kedua-dua buah egara. Peranan bahasa kebangsaan alam pembinaan sesebuah egara amat besar kepada semua egara di dunia. Selain menjadi sas jati diri warganegara, bahasa ebangsaan berperanan penting alam perpaduan rakyat. Sejak emerdekaan, bahasa Melayu bagai bahasa kebangsaan menjadi lap perpaduan rakyat pelbagai eturunan di Malaysia. Di China, ahasa Mandarin menjadi alat erpaduan rakyat yang terdiri aripada 56 etnik.

Di samping itu, peranan bahasa ebangsaan terlihat juga dalam roses pembangunan negara. Di Malaysia, bahasa Melayu menjadi ahasa pengantar utama sistem endidikan, bahasa rasmi dalam ntera pentadbiran negara dan ahasa perhubungan dalam ebberapa bidang lain, seperti ndang-undang. Kita menyaksikan asang surut kesungguhan nelaksanakan penggunaan bahasa ebangsaan dalam pelbagai bidang ralaupun Dewan Bahasa dan usbaka tidak pernah berhenti engerakkan pelbagai usaha.

Ucapan penulis menegaskan unggujawab semua warganegara endaulatkan bahasa kebangsaan napa mengira keturunan. Ada elajaran dan teladan yang dapat ipelajari daripada kesungguhan di egara China dalam pelaksanaan ahasa kebangsaan. Bahasa andarin digunakan dengan meluas alam semua bidang kehidupan, atta di provinsi yang majoriti enduduknya bukan keturunan hina seperti provinsi Xinjiang ang majoriti penduduknya bangsa yghur.

Bahasa asing bukan tidak ipentingkan tetapi dipelajari dan

digunakan sebagai nilai tambah untuk tujuan ekonomi. Menjadi dasar negara bahawa mesyuarat dan majlis rasmi adalah dalam bahasa Mandarin dan jurubahasa disediakan untuk pemimpin dan tamu asing. Di Universiti Pengajian Asing Beijing, kini lebih 80 kursus bahasa asing ditawarkan tetapi bahasa Mandarin tetap menjadi bahasa utama. Presiden universiti, Prof. Dr. Peng Long ialah lulusan doktor falsafah bidang ekonomi di Universiti London dan fasih berbahasa Inggeris, tetapi tetap menggunakan bahasa Mandarin dalam mesyuarat dan urusan rasmi lain dengan tamu luar negara.

Semoga sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang kali pertama diadakan di luar negara itu dapat menjadi agenda tahunan dengan pengisian yang lebih bererti. Dengan begitu, warganegara Malaysia di perantauan tidak kehilangan jejak dalam jati diri dan turut mendaulatkan bahasa kebangsaan. Hal yang sangat penting pula ialah konsep sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang melibatkan bahasa kebangsaan dua buah negara agar dapat kita saling mempelajari dan meneladani kejayaan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Berada di perantauan pasti menimbulkan kerinduan kepada tanah air. Kerinduan itu terubat sedikit banyaknya apabila perantau menghadiri acara yang menghimpunkan warganegara di tempat yang sama. Demikianlah Festival Malaysia pada 22 April 2017 anjuran Persatuan Pelajar Malaysia di China (AMSID) dengan dukungan Bahagian Pendidikan Malaysia, Kedutaan Besar Malaysia di China berjaya mengakrabkan persahabatan kira-kira 800 orang warganegara Malaysia di China, khususnya di Beijing.

Festival yang diadakan di kampus Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing (BLCU) itu bukan sahaja merungkai kerinduan kepada tanah air, bahkan berlatarkan mesej untuk melestarikan kecintaan

kepada negara melalui unsur seni budaya pelbagai keturunan di Malaysia. Acara itu merupakan kali kedua diadakan, sesudah kali pertama diadakan pada tahun 2014 di kampus yang sama. Festival yang telah dirancang sejak bulan Oktober 2016 itu bertema "Inilah Malaysia" dan berjaya memperkenalkan sebahagian corak kehidupan rakyat Malaysia kepada masyarakat China dan warganegara lain yang ada di Beijing.

Festival Malaysia dimulakan dengan majlis perasmian oleh Timbalan Perwakilan Kedutaan Malaysia di China, En. Joseph Samuel. Wakil pemimpin Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing dan kira-kira sepuluh orang wakil syarikat yang menyumbangkan dana untuk acara itu turut hadir, selain pegawai-pegawai Kedutaan Besar Malaysia dan para pensyarah. Selain persembahan seni budaya, festival itu dimeriahkan dengan jualan aneka juadah makanan Malaysia seperti nasi lemak, mi goreng, nasi goreng, rojak buah, ayam goreng, kari ayam, kuih durian dan beberapa juadah yang lain. Pameran dan tunjuk cara tentang beberapa aspek kehidupan rakyat Malaysia turut diadakan, termasuk mencanting batik, seni khat, berinai, permainan gasing, galah panjang, baling kelapa dan lompat getah.

Antara persembahan seni budaya yang ditampilkan termasuklah tarian joget, lagu patriotik dan lagu rakyat, deklamasi sajak patriotik dan hubungan Malaysia-China, dikir barat, pertunjukan fesyen pelbagai etnik Malaysia, tarian singa dan tarian etnik Orang Ulu Sarawak. Hal yang cukup menarik ialah pelibatan pelajar Malaysia pelbagai keturunan dalam acara persembahan dan pengurusan festival itu. Paduan anak muda pelbagai keturunan itu mencerminkan persefahaman, kerjasama dan kesediaan mereka untuk mencorakkan rakyat yang bersatu padu sebagai waris warganegara. Pelajar Sekolah Menengah Puteri, Cyberjaya

yang melawat ke Beijing turut menyumbangkan persembahan ucapan berirama dan lagu rakyat Malaysia.

Selain itu, pelibatan pelajar warganegara China yang mengikuti pengajian Melayu di Beijing turut memeriahkan acara dan sekali gus melambangkan hubungan persahabatan antara negara Malaysia dengan China. Pelajar China itu mengikuti kursus ijazah dalam bidang pengajian Melayu di Universiti Pengajian Asing Beijing, sementara pelajar Malaysia sebahagian besarnya mengikuti kursus ijazah pengajian Mandarin dan yang lain dalam bidang hubungan antarabangsa, ekonomi dan bidang lain. Pelajar Malaysia yang dihantar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kursus ijazah pengajian Mandarin berjumlah kira-kira 500 orang di Beijing, sebahagian di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) dan sebahagian yang lain di Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing (BLCU). Pelajar Malaysia dalam bidang lain terdapat di Universiti Peking dan di Universiti Tsing Hua. Jumlah pelajar Malaysia di Beijing mencecah kira-kira 800 orang.

Persembahan yang paling ketara untuk menyalin kerjasama pelajar Malaysia dengan pelajar China ialah deklamasi rangkaian dua buah sajak yang penulis hasilkan, iaitu "Menuntun Si Merdeka" dan "Menganyam Tikar Peradaban". Persembahan deklamasi menampilkan Datin Haryani Haron, juara Pertandingan Deklamasi Kemerdekaan Malaysia peringkat kebangsaan 2013 yang sekali gus menjadi jurulatih deklamasi sajak dan seni persembahan di BFSU, tiga orang pelajar Malaysia dan tiga orang pelajar China. Sajak pertama "Menuntun Si Merdeka" mengajak warganegara Malaysia menghayati erti kemerdekaan dan mempertahankan kemerdekaan itu dalam semua bidang. Sajak kedua pula "Menganyam Tikar Peradaban" mengisahkan hubungan

erat antara tamadun alam Melayu dengan tamadun China sejak zaman Sriwijaya dan Dinasti Tang pada abad ketujuh yang kemudian mencapai kegemilangan pada zaman Kesultanan Melaka dan Dinasti Ming pada abad ke-15. Hubungan itu kini dipererat dalam zaman moden, termasuk melalui bahasa dan budaya Melayu yang kini telah menjadi bidang pengajian peringkat ijazah di sembilan buah universiti di seluruh China.

Festival Malaysia 2017 pada umumnya mencapai matlamatnya, iaitu untuk menjalin hubungan sesama warganegara Malaysia di kota Beijing dan sekali gus memperkenalkan sebahagian cara hidup rakyat Malaysia kepada warganegara China. Usaha memperkenalkan Malaysia dan cara hidup rakyatnya perlu dikembangkan ke kota-kota utama lain di China seperti di Shanghai dan di Guangzhou. Hubungan antara Malaysia dengan China yang kian akrab dan meluas dalam bidang diplomatik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan aspek lain perlu disokong dengan kegiatan seperti Festival Malaysia.

Selanjutnya, kegiatan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu di Negara Laluan Sutra ialah Pertandingan Deklamasi Bahasa Melayu Antara Mahasiswa Mahasiswi Seluruh China 2017 pada 13 Mei 2017. Pertandingan itu merupakan yang julung-julung kalinya dianjurkan di negara China, dan melibatkan lapan buah institusi pengajian tinggi seluruh negara, iaitu Universiti Pengajian Asing Beijing, Universiti Komunikasi China, Universiti Pengajian Asing Tianjin, Universiti Pengajian Asing Guangdong, Universiti Bangsa-bangsa Guangxi, Universiti Bangsa-bangsa Yunnan, Institut Bahasa Asing Luoyang dan Institut Perguruan Fujian.

Sejumlah 15 orang peserta mendeklamasikan sajak wajib

"Mitos Bahasa" dalam buku kumpulan puisi "Mencari Makna Diri" dan sebuah sajak pilihan karya penyair tersohor seperti Usman Awang, A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh, Zurinah Hasan, dan Masuri S.N. Dengan gaya penyampaian yang memukau kebanyakan peserta, termasuk berpakaian Melayu tradisional, pertandingan deklamasi itu berjaya mengangkat bahasa Melayu di negara China ke tahap estetik atau keindahan bahasa, selain sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi.

Dua orang pelajar dari BFSU yang diberi nama Melayu Aliya (Wang Jiangu) dan Sakinah (Wu Yingying) serta Hakim (Li Yuxuan) dari Universiti Pengajian Tianjin dinobatkan sebagai juara bersama. Acara yang dianjurkan oleh Universiti Pengajian Guangdong di kota Guangzhou di selatan China itu akan dijadikan acara tahunan dengan tuan rumahnya bergiliran antara semua universiti yang mempunyai program pengajian Melayu.

Gema kegiatan bahasa dan persuratan Melayu di China mendapat liputan yang cukup meluas oleh media di negara China. Akhbar *China Daily*, laman web dan Facebook Radio Antarabangsa China (CRI) laman web BFSU, laman web Universiti Pengajian Asing Guangdong dan laman web Universiti Bangsa-bangsa Guangxi menyiarkan berita kegiatan itu dan diperkongsikan pula oleh beberapa kumpulan *wechat*, iaitu media sosial yang popular di negara China.

Semoga kegiatan bahasa dan persuratan Melayu yang semarak di tanah besar China itu menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat di negara kita Malaysia bahawa bahasa dan sastera masih tetap berperanan besar dan perlu diberikan tempat dan perhatian yang sewajarnya untuk "memanusiakan" manusia atau warganegara seluruhnya. DB